

28 JAN 2003

NAM-Arafat/I

ARAFAT WAJAR DIBENARKAN HADIRI NAM, KATA SYED HAMID

PUTRAJAYA, 28 Jan (Bernama) -- Regim Tel Aviv wajar membenarkan Presiden Palestin Yasser Arafat menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur bulan depan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Belia berkata adalah penting bagi Arafat atau wakilnya menghadiri sidang kemuncak NAM dari 20 Feb hingga 25 Feb memdangkan Palestin adalah negara anggota pergerakan itu.

Syed Hamid berkata demikian selepas meneriam 600 naskah buku bertajuk "Kecemerlangan Di Sebalik Perjuangan Yang Belum Selesai" daripada Persatuan Pengguna Islam Nasional Malaysia yang akan diedarkan kepada para peserta NAM, sebagai kenang-kenangan.

"Saya tidak tahu sama ada beliau (Yasser Arafat) atau wakilnya akan dibenarkan datang. Kami tidak dapat menekan kuasa besar untuk berbuat demikian," katanya ketika diminta mengulas permintaan Duta Besar Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra supaya Kuala Lumpur berunding dengan Amerika Syarikat supaya mendesak Israel membenarkan Arafat menghadiri NAM.

Pada satu seminar baru-baru ini yang berlangsung di United Kingdom, regim Tel Aviv enggan membenarkan Arafat atau wakilnya menghadiri persidangan itu walaupun Perdana Menteri Britain Tony Blair menggesa Israel memberi kebenaran kepada Arafat.

Israel yang menduduki beberapa buah bandar dan kawasan di Tebing Barat dan Gaza, mengenakan pelbagai larangan pergerakan ke atas Arafat dan rakyat Palestin yang lain.

Mengulas mengenai kemajuan persiapan NAM, Syed Hamid berkata semua aspek mengenai logistik sudah siap dan beberapa siri raptai sedang dijalankan.

Beliau berkata raptai dijalankan hari ini bagi acara perasmian dan tiga lagi akan dilakukan sebelum hari sebenar.

Syed Hamid akan memberi taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini mengenai kemajuan persiapan sidang kemuncak itu.

Beliau berkata peserta dari lebih 40 negara sudah mengesahkan kehadiran dan negara bukan anggota NAM juga dijemput sebagai pemerhati termasuk Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Komanwel.

Sila layari www.nam2003.com untuk berita lain mengenai NAM.

-- BERNAMA

MFZ MUN AZZ LAT